

**Perhimpunan Bersih: Pendirian KDN Konsisten – Hishammuddin
Bernama
10 Ogos, 2012**

PUTRAJAYA, 10 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata pendirian Kementerian Dalam Negeri adalah konsisten dalam menangani perhimpunan yang ingin dianjurkan oleh mana-mana pihak, iaitu mengutamakan keselamatan orang ramai.

Mengulas cadangan penganjuran perhimpunan Bersih pada masa yang sama dengan sambutan kemerdekaan peringkat kebangsaan 31 Ogos nanti, Hishammuddin berkata niat dan hasrat itu boleh dipersoal, namun perkara utama ialah sama ada janji pihak penganjur untuk mengadakan perhimpunan yang aman boleh dipercayai.

"Saya hanya melihat daripada konteks keselamatan negara, dan pengalaman dari Bersih 3.0 menjadi iktibar kepada kita di mana perhimpunan itu tidak berjalan seperti yang mereka janjikan.

"Yang penting sekarang sama ada janji-janji mereka boleh dipercayai atau tidak, itu bukan untuk saya tentukan," katanya kepada pemberita pada majlis berbuka puasa kementerian itu di sini Jumaat.

Bagaimanapun, beliau berkata pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk kelulusan perhimpunan itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687365>